

# Rakyat bebas kuasai bahasa Melayu: 'PM

BM 27 JUN 1993

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mengenakan sebarang paksaan dalam usaha mempercepatkan proses penguasaan bahasa Melayu di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, katanya, banyak yang bersedia untuk mempelajari bahasa itu kerana ia mudah digunakan dan difahami oleh lebih banyak orang.

"Kita tidak Daksa dalam mempercepatkan proses ini (penguasaan Bahasa Melayu), tetapi kita yakin banyak akan memahami dan menguasai bahasa itu dengan cukup fasih. Ini adalah satu kelavaan," katanya.

Berucap merasmikan perhimpunan agung MCA ke-40 di sini, semalam, Perdana Menteri berkata, beliau kagum dengan keupayaan kaum Cina. ter-

masuk ahli MCA menguasai bahasa Melayu berdasarkan pemahaman mereka terhadap ucapan yang disampaikan dalam bahasa Melayu.

"Kalau 10 tahun dulu Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berucap dalam bahasa Melayu, tentu banyak yang tidak faham, tetapi hari ini, banyak yang bertepuk tangan tanda mereka memahami ucapan beliau," katanya.

Dr Ling semalam menyampaikan sepenuhnya ucapan dasarnya dalam bahasa Melayu dan mendapat tepukan gemuruh daripada perwakilan.

Menurut Perdana Menteri, penguasaan bahasa Melayu di kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama dan seterusnya meningkatkan semangat perpaduan.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, tahap penguasaan bahasa itu sekarang di kalangan bu-kan Melayu jauh lebih baik berbanding ketika negara belum atau baru mencapai kemerdekaan.

Menjawab soalan, beliau berkata, bahasa ibunda akan kekal, tetapi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara perlu mempunyai nilai ekonomi supaya ramai akan mempelajarinya dan seterusnya mendapat manfaat daripadanya.

"Saya yakin lebih ramai rakyat akan memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan cukup fasih pada masa akan datang," katanya.

Mengenai Kubung dan dagang dengan China, Dr Mahathir berkata, negara itu kini berminat membangunkan ekonominya untuk memberikan kehidu-

pan lebih baik kepada penduduknya.

"Saya tidak fikir China berminat untuk menjajah mana-mana negara dan di atas keyakinan itulah, kita lihat tidak ada sebab Malaysia perlu menjauhkan diri daripada China jika ia berminat untuk mengadakan hubungan dagang dengan negara jirannya.

"Kita sebagai jiran China perlu menghargai pen-diriannya itu dan meneri-manyanya dengan baik," katanya.

Diminta mengulas mengenai perkembangan Umno sedikit sebanyak menjejaskan kedudukan pasaran saham, Perdana Menteri berkata:

"Memang ada pelbagai alasan dibuat. Apa orang lain kata, itu adalah pendapat mereka. Saya tidak bertanggungjawab terhadap apa yang mereka kata."